



Mohd Iqbal melihat bangkai ikan paus yang terdampar di pantai Tanjung Batu, Pekan.

(Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

Bangkai paus terdampar di pantai Tanjung Batu

B4 22/02/24 M15 18

Pekan: Penduduk Kampung Tanjung Batu, di sini, gempar dengan penemuan bangkai seekor ikan paus seberat lebih 80 kilogram (kg) yang terdampar di pantai kampung itu, kelmarin.

Ikan paus sepanjang kira-kira tiga meter itu diperlakukan sebagai jenis Odontocete atau ikan paus bergigi, berdasarkan fizikal giginya hanya ada pada rahang bawah dan badan yang panjang.

Ia dipercayai tersesat sebelum memasuki perairan Pekan dan terdampar di pantai Tanjung Batu yang terletak berhampiran projek pendalaman muara Sungai Tering.

Penduduk, Mohd Iqbal Zahir Mohd Khamsani, 36, berkata terdahulu dia menemukan bangkai paus itu

di tepi pantai kira-kira jam 6.30 petang Isnin lalu.

Ketika itu, katanya, beliau bersama anak sedang bersiar bersiar di tepi pantai sebelum terlihat bangkai paus berkenaan yang dipercayai masih baharu dengan fizikal sempurna.

"Bangkai itu kemudian dipercayai hanyut dibawa arus air laut selepas air pasang besar yang bermula kira-kira jam 10 malam kelmarin (Isnin lalu).

"Petang semalam (kelmarin), saya sekali lagi ke kawasan pantai Tanjung Batu dan menemukan semula bangkai mamalia itu dalam jarak beberapa meter dari lokasi ia ditemui kelmarin (Isnin lalu)," katanya, di sini, semalam.

Namun kali ini, Mohd

Iqbal Zahir berkata, bangkai ikan paus terbabit dilihat sudah mulai membengkak berikutan lama terdampar di tepi pantai, manakala penduduk kampung tidak melepaskan peluang datang melihat lebih dekat.

Sementara itu Pengarah Jabatan Perikanan Pahang, Abdullah Jaafar, berkata pegawaiannya sudah meninjau tempat kejadian berkenaan, semalam, bagi menyiasat penemuan mamalia terbabit yang jarang berlaku di negeri ini.

Beliau berkata, kali terakhir paus ditemukan di negeri ini ialah pada 2008 membabitkan seekor anak paus betina spesies Bryde's Whale yang terdampar di beting pasir Kuala Nenasi, dekat sini.